

Jabatan Perkhidmatan Awam,
Malaysia,
Rumah Persekutuan,
Kuala Lumpur.

29hb. Oktober, 1971.

Tuan,

SURAT PEKELILING PEKHIDMATAN BIL: 17 TAHUN 1971

Penjelasan mengenai Pekeliling2 Perkhidmatan

Bil. 6/1969, 6/1970 dan 7/1970

Sewaktu melaksanakan perubahan2 gaji dan sharat2 perkhidmatan yang baharu mengikut **Pekeliling2 Perkhidmatan Bil. 6/1969, 6/1970 dan 7/1970** Ketua2 Jabatan telah menemui beberapa masaelah mengenai pemindahan gaji, pindaan kapada tarikh kenaikan gaji, chara menetapkan gaji permulaan bagi pekerja2 yang bertukar jawatan dan tarikh mengenakan bayaran bagi kemudahan2 yang telah di-hapuskan. Kebanyakan daripada keraguan2 itu telah di-jelaskan oleh jabatan ini sechara pertadbiran dengan Jabatan2 yang berkenaan. Walau bagaimanapun mungkin ada lagi beberapa kesilapan telah berlaku dan tidak di-ketahui oleh Jabatan ini. Oleh yang demikian Ketua2 Jabatan ada-lah di-minta memastikan prinsip2 yang di-sebutkan di-bawah ini sebagai panduan dan jika sekira-nya perlu membetulkan sebarang kesilapan yang telah berlaku.

1. Tarikh pemindahan gaji (1.1.1970 atau terkemudian daripada itu)

(i) Tarikh kuatkuasa pemindahan gaji telah di-tetapkan pada 1hb Januari, 1970. Walau bagaimana pun, perenggan 109 dalam **Pekeliling Perkhidmatan Bil. 7 tahun 1970** membenarkan gaji sa-saorang pekerja itu di-pindahkan dari satu tarikh yang terkemudian daripada 1.1.1970 jika sekira-nya dengan chara pemindahan daripada tarikh yang terkemudian itu akan memberi keuntongan kapada-nya dari segi gaji. Prinsip yang hendak di-pakai dalam perkara ini ia-lah pemindahan gaji dari tarikh yang terkemudian daripada 1.1.1970 **mesti-lah memberi faedah** kapada pekerja2 yang berkenaan. Mithalan-nya dalam Jadual Bilangan 149 dalam **Pekeliling Perkhidmatan Bil. 7 Tahun 1970**, jika sa-saorang pekerja yang **telah** menerima kenaikan gaji ka-mata gaji pokok \$300.00 sabelum ia memulangkan borang pilehan sendiri-nya, katakan-lah pada 1.2.1971, maka ia hendak-lah di-tawarkan pemindahan gaji daripada gaji pokok \$300.00 kapada gaji berseh \$425.00

dalam tangga gaji Pegawai Kerani, Tingkatan II atau pun tangga gaji baharu untuk penyandang walau pun gaji-nya pada 1.1.1970 hanya-lah gaji pokok \$260.00

<u>Tarikh</u>	<u>Gaji Lama</u> <u>(Pokok)</u>	<u>Gaji Baharu</u> <u>(Bersih)</u>
1.1.1970	\$260.00	\$375.00
1.2.1971	\$300.00	\$425.00

(ii) Begitu juga jika sa-saorang pekerja itu telah menerima atau pun akan menerima kenaikan gaji kapada gaji pokok \$445.00 di-antara 1.1.1970 dengan 1..3.1971 maka pekerja itu boleh-lah di-tawarkan pemindahan gaji mulai dari tarikh ia telah menerima atau akan menerima gaji pokok \$445.00 itu kapada gaji berseh \$600.00 dalam tangga gaji Pegawai Kerani, Tingkatan I dengan sharat kenaikan gaji kapada gaji pokok \$445.00 itu tidak di-terima-nya salepas 1.3.1971 dan pegawai yang berkenaan memulangkan borang pilihan-sendiri-nya dalam bulan Februari, 1971 tetapi tidak lewat daripada 13hb. Februari, 1971.

(iii) Kemudahan yang di-beri untuk berpindah kapada gaji berseh dan tingkatan yang lebih tinggi seperti yang di-terangkan di-perenggan (i) dan (ii) di-atas hendak-lah juga di-pakai dalam pemindahan kapada tangga gaji berseh yang tidak bertindeh seperti dalam Jadual Bilangan 486. Mithalan-nya jika sa-saorang Setia Usaha Sulit itu telah atau pun akan menerima gaji pokok \$570.00 pada atau sebelum 1.3.1971, maka ia hendak-lah di-tawarkan pemindahan gaji mulai dari tarikh yang terkemudian daripada 1.1.1970 iaitu daripada gaji pokok \$570.00 kapada gaji berseh \$840.00 dalam tangga gaji Setiausaha/Jurutrengkas, Tingkatan 1.

Pekerja2 yang sedang berkhidmat semenjak 1.1.1970 yang gaji-nya berpindah salepas 1.1.1970 behak mendapat tunggakan mulai daripada 1.1.1970.

(iv) Sabagaimana yang di-sebutkan di-perenggan (i) hingga (iii) di-atas, prinsip yang mesti di-ingatkan ia-lah pemindahan gaji dari tarikh yang terkemudian daripada 1.1.1970 hendak-lah memberi keuntungan kapada sa-saorang pekerja itu. Walau bagaimana pun, dalam beberapa keadaan mungkin pemindahan gaji daripada tarikh yang terkemudian daripada 1.1.1970 itu tidak akan memberi keuntungan kapada sa-saorang pekerja itu. Mithalan-nya dalam jadual Bilangan 149, jika sa-saorang pekerja itu menerima gaji pokok \$300.00 pada 1.1.1970 dan salepas itu mendapat kenaikan gaji kapada gaji pokok \$315.00, katakan-lah pada 1.10.1970, maka pemindahan gaji mulai daripada 1.10.1970 daripada gaji pokok \$315.00 kapada gaji berseh \$450.00 tidak akan memberi keuntungan kapada pekerja yang berkenaan seperti mana yang boleh di-pastikan di-bawah ini:-

<u>Tarikh</u>	<u>Gaji Lama</u> <u>(Pokok)</u>	<u>Gaji Baharu</u> <u>(Berseh)</u>
1.1.70	\$300.00	
1.10.70	\$315.00	450.00

1.12.71	475.00
---------	--------

(Tarikh kenaikan

yang baharu)

Sebaleknya pula, jika gaji-nya di-ubah daripada gaji pokok \$300.00 mulai daripada 1.1.1970 dan tarikh kenaikan gaji tahunan-nya ia-lah pada 1hb Oktober, maka pemindahan gaji-nya akan dilakukan seperti berikut:-

Tarikh	Gaji Lama (Pokok)	Gaji Baharu (Berseh)
1.1.70	\$300.00	\$425.00
1.10.70		450.00
1.10.71		475.00

(v) Daripada contoh2 yang tersebut di atas, nyata-lah pemindahan gaji daripada 1.1.1970 ada-lah lebih berfaedah kepada pekerja itu kerana dalam contoh yang pertama, pekerja itu akan menerima gaji berseh \$475.00 hanya pada 1.12.1971 mengikut Peraturan Pindaan Tarikh Kenaikan Gaji di-Lampiran "B" setelah di-ubahsuai, walhal jika gaji pekerja itu di-pindahkan daripada 1.1.1970, ia boleh menerima gaji berseh \$475.00 pada 1.10.1971 ia-itu 2 bulan lebih awal daripada contoh yang pertama itu. Oleh yang demikian dalam keadaan seperti ini pemindahan gaji hendak-lah di-tawarkan mulai daripada 1.1.1970.

2. Pemindahan gaji mulai dari tarikh yang terkemudian daripada 1.1.1970

(i) Jika sa-saorang pekerja memilih untuk mendapat pemindahan gaji daripada satu tarikh yang terkemudian daripada 1.1.1970 oleh kerana dengan chara itu ia akan mendapat keuntongan, maka tarikh pemindahan gaji mulai daripada tarikh kenaikan gaji-nya yang akhir itu hendak-lah menjadi tarikh kenaikan gaji tahunan-nya dalam tangga gaji baharu itu. Contoh seperti yang di-tunjukkan di-bawah ini akan menjelaskan maksud yang di-sebutkan di-perenggan ini:-

<u>Tarikh</u>	<u>Gaji Lama</u>	<u>Gaji Baharu</u>	<u>Tarikh kenaikan</u>
---------------	------------------	--------------------	------------------------

			<u>(Berseh)</u>
--	--	--	-----------------

			<u>gaji dalam tangga</u>
--	--	--	--------------------------

			<u>gaji baharu</u>
--	--	--	--------------------

\$475.00)

)

1.11.68	489.00)	\$680.00	1.1.70
---------	---------	----------	--------

)

1.11.69)		
(1.1.70)	503.00)		
		720.00	1.5.70
1.11.70	517.00	760.00	1.11.70
1.11.71		800.00	1.11.71

Daripada chontoh yang di-tunjukkan di atas jika pegawai ini mendapat pemindahan gaji daripada gaji pokok \$517.00 kepada gaji bersih \$760.00 mulai daripada **1.11.1970**, maka tarikh kenaikan gaji tahunan-nya tidak berubah, ia itu tetap pada 1hb November dan tidak diubah kapada 1hb Mei sebagaimana yang boleh di-dapati oleh pekerja itu jika gajinya di-pindahkan daripada gaji pokok \$503.00 kapada gaji bersih \$680.00 mulai **daripada 1.1.1970**.

(ii) Begitu juga jika sekira-nya tarikh kenaikan gaji-nya di-pinda salepas gaji-nya dipindahkan dari satu tarikh yang terkemudian daripada 1.1.1970 yang melibatkan pemindahan **dari 2 mata gaji atau lebih dalam tangga gaji sekarang kepada 1 mata gaji** dalam tangga gaji baharu, maka tarikh kenaikan gaji sebagaimana yang di-pinda itu hendak-lah dijadikan tarikh kenaikan gaji tahunan-nya dalam tangga gaji baharu itu. Chontoh seperti di-sebutkan di-bawah ada-lah menjelaskan maksud yang di-sebutkan dalam perenggan ini:-

<u>Tarikh</u>	<u>Gaji Lama</u> <u>(Pokok)</u>	<u>Gaji Baharu</u> <u>(Berseh)</u>	<u>Tarikh kenaikan</u> <u>gaji dalam tangga</u> <u>gaji baharu.</u>
1.9.68	\$213.00)		
)		\$325.00	1.1.70
1.9.69	227.00)		

(1.1.70)

		350.00	1.6.70
<u>1.9.70</u>	252.00)		
)		375.00	<u>1.9.70</u>
	266.00)		
		400.00	<u>1.12.71</u>

Daripada chontoh yang di-tunjukkan di atas bolehlah dipastikan ia itu jika gaji pekerja itu dipindahkan daripada gaji pokok \$227.00 kapada gaji bersih \$325.00 **mulai daripada 1.1.1970** maka tarikh kenaikan gaji-nya akan berubah kapada **1hb Jun** tetapi jika sekira-nya pemindahan dilakukan daripada gaji pokok \$252.00 kapada gaji bersih \$375.00 **mulai daripada 1.9.1970**, maka tarikh kenaikan gaji kapada gaji bersih \$400.00 dalam tangga gaji baharu itu akan berubah kapada **1hb Disember, 1971** mengikut Peratoran Pindaan Gaji di-Lampiran "B" kapada **Pekeliling Perkhidmatan Bil. 7 Tahun 1970** satelah di-ubahsuai. Jika sekiranya gaji pekerja ini di-pindahkan **mulai daripada 1.9.1970** maka tarikh kenaikan gajinya yang telah diubahsuai kapada **1hb Disember** itu hendak-lah di-jadikan tarikh kenaikan gaji tahunan pekerja itu seterusnya. Tarikh kenaikan gaji kapada mata gaji \$350.00 yang di-ubah kapada 1hb Jun apabila pemindahan gaji dilakukan mulai daripada 1.1.1970 itu tidak boleh di-pakai jika sekiranya pemindahan gaji di-lakukan mulai daripada 1.9.1970.

3. Peratoran2 mengenai Pindahan Tarikh Kenaikan Gaji

Peratoran2 mengenai Pindaan Tarikh Kenaikan Gaji di Lampiran "B" kapada **Pekeliling Perkhidmatan Bil. 7 Tahun 1970** ada-lah di-maksudkan bagi pemindahan gaji yang berkuatkuasa mulai daipada 1hb Januari, 1970. Walau bagaimana pun, jika sekira-nya pemindahan gaji dilakukan mulai dari tarikh yang terkemudian daripada 1.1.1970, maka peratoran itu boleh-lah di-ubahsuai dengan chara mengubahakan tahun 1969 kapada tahun 1970, tahun 1970 kapada tahun 1971 dan tahun 1971 kapada tahun 1972. Jika sekira-nya tarikh kenaikan gaji sa-saorang pekerja itu jatoh pada 1hb Januari, 1971, maka tarikh kenaikan gaji itu hendak-lah di-ubah kapada 31hb Disember, 1970 bagi maksud pemindahan gaji kapada gaji bersih mulai daripada tarikh yang terkemudian daripada 1.1.1970.

4. Pemindahan kapada gaji yang kurang dalam tangga gaji baharu

Pekerja2 yang gaji-nya di-pindahkan kapada gaji baharu yang kurang daripada jumlah gaji pokok champor elau n sara hidup dan elau rumah (jika ada) tidak dikehendaki membayar balek perbezaan di-antara jumlah gaji lama dengan gaji baharu mulai daripada 1.1.1970. Gaji baharu bagi pekerja2 yang terlibat itu hendak-lah di-bayar mulai daripada 1 haribulan salepas tarikh pekerja2 itu memulangkan borang pilehan sendiri yang telah mereka penohi.

5. Pekerja2 yang telah bertukar jawatan semenjak 1.1.1970

Bagi pekerja2 yang sedang berkhidmat daripada 1.1.1970 hingga 13.11.1970 yang telah

naik pangkat, atau di-lantek daripada satu jawatan ka-jawatan yang lain semenjak 1.1.1970 hingga 1 haribulan salepas mereka memulangkan borang pilehan sendiri yang telah mereka penohi itu hendak-lah di-beri tawaran pemindahan gaji daripada tangga gaji jawatan yang terbaharu sekali. Mithalan-nya jika sa-orang Pegawai Kerani yang sedang berkhidmat semenjak 1.1.1970 telah di-lantek sa-bagai Pegawai Kerja pada 1.10.1970 ya'ani sabelum 14.11.1970 (iaitu tarikh keluar-nya [Pekeliling Perkhidmatan Bil. 7 Tahun 1970](#)) maka beliau hendak-lah ditawarkan pemindahan gaji mulai dari 1.10.1970 daripada tangga gaji lama Pegawai Kerja kepada tangga gaji baharu Pegawai Kerja (termasuk tangga gaji baharu untuk penyandang, jika ada) bagi jawatan itu. Walau bagaimana pun, ia berhak mendapat tunggakan gaji semenjak 1.1.1970 hingga 31.9.1970 dalam jawatan lamanya ia-itu jawatan Pegawai Kerani dengan chara pelarasan (adjustment).

6. Pemindahan gaji bagi pegawai wanita

Pekerja2 wanita yang di-lantek salepas 1.5.1969 tetapi sebelum 14.11.1970 ka-dalam jawatan2 yang terkandong dalam senarai di-Kembaran I dalam Pekeliling Perkhidmatan Bil. 5 Tahun 1969 boleh-lah di-pindahkan gaji yang telah di-terima oleh mereka kapada gaji bersih (termasuk tangga gaji untuk penyandang, jika ada) mulai daripada 1.1.1970 atau pun dari tarikh lantekan mereka iaitu jika tarikh lantekan itu salepas daripada 1.1.1970 tetapi sabelum 14.11.1970. Tarikh kenaikan gaji mereka saterusnya dalam tangga gaji berseh itu hendak-lah mengikut peratoran dalam perenggan 9 dan 11 dan juga Lampiran 'B' yang ada sekarang atau Lampiran 'B' yang boleh di-ubahsuai dalam [Pekeliling Perkhidmatan Bil. 7 Tahun 1970](#) sebagaimana yang di-terangkan di- perenggan 4 di atas.

7. Kenaikan pangkat dan lantekan dari satu sekim ka-satu sekim yang lain dalam tempoh 11.1970 hingga 13.11.1970

(i) Bagi pekerja2 yang di-lantek dari satu sekim ka-satu sekim yang lain atau di-naikkan pangkat ka-jawatan yang lebih tinggi di-mana lantekan dan kenaikan pangkat sa-umpama itu berlaku dalam tempoh 1.1.1970 hingga 13.11.1970, maka pemindahan gaji ka-dalam tangga gaji baharu bagi jawatan yang baharu itu hendak-lah di-buat saperti berikut:-

Ambil gaji pokok dalam tangga-gaji yang lama, champor elau nara hidup mengikut kadar yang tinggi sakali serta elau rumah bagi jawatan baru mengikut kadar Kuala Lumur itu dan jumlah-nya hendak-lah dipindahkan kapada gaji berseh berdasar kapada rumusan yang berikut:-

- (a) Jika jumlah gaji bagi maksud pemindahan gaji itu kurang daripada matagaji yang rendah sekali dalam tangga gaji yang baharu itu, maka ia-nya hendak-lah di-pindahkan ka-mata gaji yang rendah sakali dalam tangga gaji yang baharu itu.
- (b) Jika jumlah gaji bagi maksud pemindahan gaji tu sama dengan mata-gaji dalam tangga gaji yang baharu itu, maka ia-nya hendak-lah di-pindahkan ka-mata-gaji yang hampir2 sama banyak tetapi lebih sedikit daripada gaji berseh-nya yang lama.
- (c) Jika jumlah gaji bagi maksud pemindahan gaji itu lebih daripada yang rendah sekali dalam tangga gaji yang baharu itu, maka pemindahan gaji

hendak-lah di-buat ka-mata-gaji yang tinggi yang berdekatan sekali dengan jumlah itu.

(ii) Tarikh kenaikan gaji tahunan yang berikut-nya bagi pekerja2 yang tersebut di atas dalam jawatan mereka yang baharu itu hendak-lah di-tentukan mengikut peruntukan **Perentah 'Am 24(a) Bab 'A'**. Tetapi jika jumlah gaji dalam jawatan yang lama itu **hampir2 sama** dengan sebarang jumlah gaji dalam tangga gaji jawatan yang baharu sabelum di-ubah kepada gaji berseh, maka tarikh kenaikan gaji pekerja itu akan di-pinda saperti chontoh yang berikut:-

Katakan-lah jawatan baharu itu bertangga gaji seperti di-bawah ini:-

<u>Gaji</u>	<u>Elaun</u>	<u>Elaun</u>	<u>Jumlah</u>	<u>Gaji</u>
<u>Pokok</u>	<u>Sara</u>	<u>Rumah</u>	<u>(bagi maksud</u>	<u>Berseh</u>
\$ ¢	<u>Hidup</u>	\$ ¢	<u>pemindahan</u>	\$ ¢
				\$ 575.00
429.00	25.50	70.00	584.50	600.0
443.00	88.50	70.00	601.50)	625.00
)	618.50)
457.00	91.50	70.00		

- (a) Jika jumlah gaji bagi maksud pemindahan gaji dalam jawatan lama-nya sabanyak \$570.00 maka ia akan di-beri gaji berseh sabanyak \$575.00 dan tarikh kenaikan gaji-nya hendak-lah mengikut **Perentah 'Am 24(a) Bab A'**.
- (b) Jika jumlah gaji dalam jawatan lama-nya sabanyak \$610.00 yakni di-antara jumlah gaji \$601.50 dengan \$618.50 dalam tangga gaji sekarang bagi jawatan baharu saperti di-atas; maka kemasukkan pekerja itu ka-dalam tangga gaji berseh bagi jawatan baharu ini hendak-lah disifat-kan sebagai pemindahan dari satu mata gaji dalam tangga gaji sekarang, ia-itu \$610.00, kepada satu mata gaji baharu, ia-itu \$625.00. Tarikh kenaikan gaji dalam jawatan baharu bagi pekerja saperti ini hendak-lah mengikut **Perentah 'Am 24(a), Bab 'A'**.

8. Sekatan2 Pepereksaan dan Kechekapan

Pekerja2 yang telah lulus pepereksaan pertama tetapi belum lulus pepereksaan yang kedua dan gaji-nya berpindah ka-tangga gaji berseh pada mata gaji yang terlebih salepas sekatan pepereksaan yang kedua dalam tangga gaji tersebut, ada-lah di-kehendaki lulus dalam pepereksaan yang kedua dalam tempoh 3 tahun dari tarikh 1.3.1971 dan dalam tempoh ini mereka boleh-lah di-benarkan menerima kenaikan gaji tahunan. Salepas dari tempoh itu operatoran2 biasa mengenai pemberhentian dan penanggohan kenaikan gaji akan di-kenakan.

9. Bayaran Ayer, Api, Pembersehan Sampah dan Najis

Mulai daripada 1hb November, 1971 bayaran ayer, api, pembersehan sampah dan najis bagi pekerja yang memilih tangga-gaji dan sharat2 perkhidmatan baharu dan menduduki rumah Kerajaan ada-lah menjadi tanggungan pekerja2 itu sendiri.

10. Pelarasan Bayaran Ayer, Api, Pembersehan Sampah dan Najis

Bagi pekerja2 yang telah membuat bayaran2 bagi bekalan dan perkhidmatan2 yang tersebut di atas terdahulu daripada 1hb November, 1971 apa2 jumlah bayaran yang telah dibuat boleh-lah di-selaraskan (adjust) sebagai bayaran untuk bulan2 akan datang.

11. Lanjutan prinsip2 di-atas kapada pekerja2 yang ter-ta'alok kapada Pekeliling2 Perkhidmatan Bil. 6/1969 dan 6/1970

Prinsip2 yang di-sebutkan dalam perkara I hingga 8 di-atas ada-lah di-lanjutkan juga kapada pekerja2 yang terta'alok kapada **Pekeliling2 Perkhidmatan Bil. 6 tahun 1969** dan **Bil. 6 tahun 1970** dengan mengubahsuaikan tarikh kuatkuasa perubahan gaji 1hb Januari, 1970 itu kepada 1hb Mei, 1969.

Tarikh akhir untuk memulangkan borang pilehan-sendiri bagi pekerja2 yang terta'alok kapada **Pekeliling Perkhidmatan Bil. 7 Tahun 1970** ia-lah 13.2.1971 dan oleh yang demikian tarikh yang terakhir untuk mengubah gaji dan elau2 jatoh pada 1.3.1971. Bagi pekerja yang terta'alok kapada **Pekeliling2 Perkhidmatan Bil.6 Tahun 1969** dan **Bil. 6 Tahun 1970** kedua2 tarikh itu hendak-lah di-ubahsuaikan kapada tarikh2 yang di-sebutkan dalam surat2 tawaran pilehan-sendiri pekerja2 yang berkenaan.

(AHMAD BADRI BIN MOHAMED

BASIR)

b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan

Awam, Malaysia.

Ketua2 Setiausaha Kementerian.

Ketua2 Pengarah Jabatan Persekutuan.

Yang Berhormat Setiausaha2 Kerajaan Negeri Malaysia Barat.

mukasurat 10